

Persidangan antarabangsa guna bahasa Melayu

Libatkan program anjuran Malaysia termasuk di luar negara

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Semua persidangan antarabangsa anjuran Malaysia di dalam dan luar negara akan meng-

gunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi tujuan tersebut, kerajaan akan menyediakan kemudahan jurubahasa dan penterjemah yang dikendalikan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

“Saya telah mula meminta supaya Kementerian Luar Negeri menyediakan nota percakapan serta dokumen berkaitan dalam bahasa Melayu untuk rujukan saya apabila mengadakan lawatan rasmi ke luar negara.

“Sebagai langkah awal dalam memartabatkan bahasa Melayu, saya sendiri telah menggunakan bahasa Melayu semasa lawatan rasmi saya ke Indonesia, Brunei



Ismail Sabri ketika menjawab pertanyaan lisan di Dewan Negara pada Rabu.

Darussalam, Kemboja dan Thailand baru-baru ini.

“Terkini, semasa lawatan ke Vietnam pada dua hari lepas, saya juga turut menggunakan bahasa Melayu,” katanya ketika sesi pemberitahuan pertanyaan lisan Dewan Negara pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Isa Ab Hamid yang meminta untuk menyatakan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam urusan diplomatik serta hubungan antarabangsa.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri

berkata, rakyat Malaysia tidak perlu berasa malu menggunakan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Jelasnya, usaha memartabatkan bahasa Melayu juga selari dengan salah satu Kerangka Dasar Luar Malaysia yang dilancarkan pada 7 Disember 2021, iaitu Diplomasi Kebudayaan.

“Usaha ini akan diteruskan dalam mana-mana pertemuan atau mesyuarat dan persidangan antarabangsa, sama ada dua hala atau pelbagai hala di dalam mahupun di luar negara mengikut kesesuaian,” ujar beliau.